

Pasaran Buruh dan Standard Hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu ketika Kemelesetan Ekonomi, 1929-1938

Labour Market and Living Standards in the Federated Malay States during the Great Depression, 1929-1938

MOHD SHAZWAN MOKHTAR

*Pusat Kajian Sejarah, Politik dan Hal Ehwal Antarabangsa, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia*

Corresponding author: msm@ukm.edu.my

Received: 26 April 2023

Accepted: 21 September 2023

Abstrak

Artikel ini meneliti kedudukan pasaran buruh dan standard hidup di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu (NNMB) ketika kemelesetan ekonomi. Kejatuhan pasaran Eropah sejak akhir tahun 1929 memberi kesan langsung terhadap pertumbuhan ekonomi NNMB yang bergantung dengannya untuk mengeksport bahan mentah. Bentuk kebergantungan ini merupakan salah satu kesan pelaksanaan dasar ekonomi imperial di NNMB yang mengintegrasikan struktur ekonomi tanah jajahan dengan ekonomi global. Situasi ini membolehkan NNMB muncul sebagai antara pengeksport utama bahan mentah di dunia. Walaupun isu perkembangan ekonomi NNMB mendapat perhatian dalam kalangan sejarawan, isu standard hidup dan pasaran buruh kurang diteliti dengan mendalam dalam kajian lepas. Justeru, artikel ini mengeksplorasi kedua-dua isu tersebut dengan membuktikan kesenjangan peluang pekerjaan dan kadar gaji dalam kalangan buruh di NNMB ketika kemelesetan ekonomi. Rekod pentadbiran kerajaan NNMB dan rekod kolonial CO576 digunakan bagi meneliti dasar kolonial berkaitan pasaran buruh dan standard hidup. Kedua-dua sumber ini merekodkan data empirikal yang membuktikan fenomena kesenjangan dalam kedua-dua sektor tersebut. Hasil kajian mendapati kejatuhan ekonomi eksport NNMB memberi kesan relatif terhadap peluang pekerjaan dan kadar pengangguran golongan pekerja. Bagaimanapun, dasar perlindungan hanya memberi manfaat kepada golongan pekerja mahir yang didominasi oleh buruh imigran. Golongan ini juga dilindungi dengan penguatkuasaan kadar gaji minimum oleh kerajaan NNMB. Tujuannya adalah untuk memastikan sektor ekonomi kolonial di NNMB terus beroperasi walaupun berlaku kemelesetan ekonomi.

Kata kunci: Sejarah Ekonomi; Export; Kelas Pekerja; Imigran; Gaji

Abstract

This article examines the position of the labour market and the living standards in the Federated Malay States (FMS) during the Great Depression. The collapse of the European market since the end of 1929 directly impacted the economic growth of the FMS which depended on it to export raw materials. This form of dependency is one of the effects of the implementation of imperial economic policies in the FMS that integrates the colonial economic structure with the global economy. This situation allows the FMS to emerge as one of the major exporters of raw materials in the world. Although the issue of the FMS' economic development has received attention among the historian, the issue of living standards and labour markets has not been studied deeply in previous studies. Therefore, this article explores both issues by proving the inequalities of employment opportunities and wage rates among

laborers in the FMS during the depression. The FMS Government administrative records and CO576 colonial records were used to examine colonial policies related to the labour market and living standards. These two sources record empirical data that prove the phenomenon of disparity in both sectors. The results of the study found that the fall in the export economy of the FMS had a relative impact on job opportunities and the unemployment rate of workers. In any case, the protection policy only benefits the skilled workers who are dominated by immigrant labour. This group is also protected by the enforcement of the minimum wage rate by the FMS government. The purpose is to ensure that the colonial economic sector in the FMS continues to operate despite the economic recession.

Keywords: Economic History; Export; Working Class; Immigrant; Wages

Pengenalan

Kajian sejarah standard hidup merupakan tumpuan dalam kalangan sarjana pada masa kini bagi memahami kehidupan masyarakat pada masa lampau dan pengaruh keadaan tersebut terhadap perkembangan ekonomi.¹ Kepentingan tumpuan bidang kajian ini berupaya menyediakan tafsiran dan sudut pandang baharu dalam memahami kehidupan masyarakat di Asia sehingga pertengahan abad ke-20. Hal ini demikian kerana, kajian berkaitannya di rantau Asia, khususnya di Asia Tenggara masih lagi tidak membangun. Penting untuk mengkaji standard hidup masyarakat di Asia Tenggara untuk meneliti hubungan kaitnya dengan fenomena pertumbuhan ekonomi antara tahun 1900 hingga 1930.² Sehubungan itu, artikel ini merungkai tafsiran longgar yang berhujah masyarakat Melayu mempunyai standard hidup yang tertinggi ketika era kolonial British.³ Pandangan tersebut cuba menafikan kenyataan wujudnya kesenjangan standard hidup dalam kalangan masyarakat di Tanah Melayu. Sementara itu, artikel ini membuktikan kesenjangan tersebut melalui analisis terhadap pasaran buruh dan standard hidup di NNMB ketika kemelesetan ekonomi.

Paul Kratoska terdahulu mendapati kerajaan kolonial mengawal kegiatan ekonomi di NNMB bagi mengatasi kemelesetan ekonomi yang berlaku pada tahun 1930-an. Kawalan ini bertujuan melindungi industri pelombongan timah dan peladangan getah milik British yang terjejas kesan kejatuhan harga pasaran.⁴ Bagaimanapun, kerangka perbincangan Kratoska masih terbatas dalam konteks perdagangan bebas dan seolah-olah tradisi perdagangan tersebut hanya mula berubah sejak tahun 1932 iaitu selepas pelaksanaan *'imperial preference'*. Sungguhpun begitu, Mohd Shazwan telah membuktikan kawalan kerajaan British yang bersifat neomerkantilisme telah berlaku sejak akhir abad ke-19 dan lebih dominan sejak era Perang Dunia Pertama.⁵ Sementara itu, A. Azmi meneliti isu pengangguran dalam sektor perindustrian timah di Tanah Melayu disebabkan kejatuhan harga pasaran komoditi tersebut. Namun, beliau mendapati tiada statistik yang jelas berkaitan kadar pengangguran dalam kalangan buruh Cina.⁶ Malahan, Martin Khor turut menambah peranan kerajaan kolonial termasuklah NNMB dalam isu ini telah dikupas dalam konteks usaha penghantaran pulang buruh bagi mengurangkan tekanan terhadap syarikat Eropah.⁷ Tekanan ekonomi Tanah Melayu ketika zaman meleset ini turut dianalisis J.H. Drabble yang mendapati kejatuhan harga pasaran komoditi mengakibatkan nilai eksport Tanah Melayu lebih rendah berbanding Burma, Indochina, Filipina dan Thailand.⁸ Kesan trend ekonomi ini terhadap pasaran buruh dan standard hidup di Tanah Melayu diteliti oleh Drabble melalui penurunan kadar gaji buruh. Sungguhpun begitu, kajian Drabble terbatas dengan tafsiran hanya buruh Cina dan India menerima kesan signifikan terhadap penurunan kadar gaji dan pengangguran.⁹ Namun, artikel ini berhujah berlaku kesenjangan signifikan dalam kalangan tenaga kerja Melayu dan buruh Jawa seperti yang dibuktikan dalam Jadual 1 dan Jadual 2.

Berdasarkan perbincangan tersebut, artikel ini mendapati faktor utama kemelesetan ekonomi di NNMB adalah merupakan kesinambungan kemelesetan ekonomi dunia yang berlaku sejak akhir

tahun 1929. Hubungan simbiosis wujud apabila struktur ekonomi kolonial di NNMB diintegrasikan oleh British dengan struktur ekonomi imperial yang banyak bergantung dengan Amerika Syarikat. Kejatuhan pasaran saham syarikat industri dan pembuatan Barat telah mengakibatkan kemerosotan permintaan bahan mentah. Situasi ini menyebabkan harga pasaran komoditi di NNMB turut jatuh dan mempengaruhi syarikat pelombongan Eropah. Bagaimanapun, British kekal dengan pendirian untuk memastikan sektor pelombongan dan pengeluaran bahan mentah tetap berterusan. Justeru, campur tangan dilaksanakan untuk melindungi kedua-dua sektor tersebut dengan mengawal pasaran buruh dan standard hidup di NNMB.

Faktor Kemelesetan Ekonomi

Pada Oktober 1929, Rizab Persekutuan Amerika Syarikat melaporkan kejatuhan indeks industri pembuatan negaranya kepada 117 berbanding 126 pada Julai tahun yang sama. Fenomena kemerosotan ini kemudiannya berlaku di seluruh sektor industri dan kilang pembuatan di Amerika Syarikat sehingga mengakibatkan kejatuhan pasaran saham yang berpusat di Wall Street.¹⁰ Situasi sama kemudiannya berlaku di London apabila perusahaan Clarensen Hatry yang merupakan gergasi industri dan kewangan utama British turut mengalami kejatuhan.¹¹ Kejatuhan perusahaan Clarence Hatry ini kemudiannya menjadi titik permulaan kepada kemerosotan perdagangan British dan empayarnya. Kemerosotan perdagangan berlaku disebabkan kejatuhan sektor industri British seperti arang batu, besi, tekstil dan pembinaan kapal yang tidak lagi mendapat permintaan dalam pasaran. Tambahan pula, kejatuhan pasaran saham turut mempengaruhi penurunan aliran modal yang menjadi pemacu kepada sektor industri yang dinyatakan tadi.¹² Antara tahun 1929 hingga 1931, KDNK British jatuh sehingga 6.6 peratus. Setelah perubahan dasar fiskal dilakukan, KDNK British sebelum mengalami sedikit peningkatan kepada 2.7 peratus antara tahun 1931 dan 1933.¹³ Kemerosotan perdagangan Amerika Syarikat dan United Kingdom kemudiannya mengakibatkan kejatuhan KDNK Tanah Melayu kepada 13 peratus antara tahun 1929 hingga 1933. Kesan langsung ini berlaku disebabkan kedua-dua negara tersebut merupakan penerima eksport utama Tanah Melayu.¹⁴


Kejatuhan sektor industri British pada akhir tahun 1929 adalah disebabkan dasar ekonomi British yang tidak beradaptasi dengan permintaan pasaran semasa.¹⁵ Struktur industri British masih terbatas dengan hasil pembuatan berkaitan ketenteraan yang mendapat permintaan tinggi ketika era Perang Dunia Pertama. Justeru, perubahan permintaan pasaran sejak pertengahan tahun 1925 yang menumpukan produk makanan dan hasil pertanian kurang mendapat perhatian sektor industri British di United Kingdom.¹⁶ Pada tahun 1929, eksport hasil pembuatan British jatuh sebanyak 0.86 bilion berbanding Amerika Syarikat meningkat sebanyak 0.65 bilion dan Jepun sebanyak 0.14 bilion. Kesannya, pedagang Amerikat Syarikat mula menguasai pasaran eksport British.¹⁷ Kelemahan perdagangan British turut memberi kesan kejatuhan kapasiti pasaran Tanah Melayu untuk membeli import produk tekstil bernilai tinggi. Antara tahun 1925 hingga 1929, jumlah import British bagi produk tersebut jatuh sehingga 50 peratus dan kemudiannya 25 peratus pada tahun 1932. Kelompongan pasaran ini mula dikuasai import produk sama dari Jepun yang meningkat sehingga 67 peratus pada tahun 1933.¹⁸ Oleh sebab itu, pada tahun 1934, Philip Cunliffe-Lister, Setiausaha Kolonial mengarahkan pelaksanaan sekatan import tekstil di Tanah Melayu bagi melindungi industri tekstil di Lancashire.¹⁹ Justeru, Ordinan Import Tekstil (Kuota) 1934 yang dikuatkuasakan di Negeri-Negeri Selat, dilaksanakan juga di NNMB dan Negeri-Negeri Melayu Tidak Bersekutu. Melalui ordinan ini Gabenor Negeri-Negeri Selat (NNS) mempunyai kuasa untuk menetapkan kadar kuota import tekstil asing yang memasuki pasaran Tanah Melayu.²⁰

Selain itu, faktor kejatuhan harga pasaran komoditi asasi (*staple commodities*) turut mempengaruhi kemerosotan perdagangan British.²¹ Kejatuhan harga pasaran komoditi berlaku

disebabkan kemerosotan sektor industri di negara pengeluar utama seperti Amerika Syarikat dan Jerman.²² Syarikat dan firma industri dari kedua-dua negara tersebut tidak mampu untuk meneruskan operasi mereka disebabkan penurunan permintaan pasaran dan berlakunya sekatan pelaburan baharu oleh institusi kewangan. Misalnya, syarikat dan firma Amerika Syarikat mula menjual aset mereka di Eropah bagi mendapatkan semula dana pelaburan. Sementara pada tahun 1931, kerajaan Australia membekukan aset bank dan menghalang sebarang bentuk pengeluaran.²³ Kemerosotan sektor industri ini kemudiannya menyebabkan wujudnya lebih bekalan bahan mentah dalam pasaran. Kesannya berlaku kemerosotan harga pasaran komoditi disebabkan lebih bekalan berbanding jumlah permintaan.²⁴ Pada pertengahan tahun 1930, harga indeks bahan mentah jatuh kepada 68.3 peratus berbanding 88.1 peratus pada tahun 1927 dan 97.0 peratus pada tahun 1925.²⁵

Oleh sebab struktur ekonomi di tanah jajahan telah diintegrasikan dengan ekonomi metropolitan, kemerosotan perdagangan yang dialami Britain turut dialami tanah jajahan.²⁶ Pada peringkat NNMB, sektor perdagangannya dibahagikan kepada dua bentuk. Pertamanya, perdagangan terus dengan United Kingdom dan negara asing melalui Port Swettenham serta NNS, manakala keduanya perdagangan persekutuan dengan saudagar di NNS.²⁷ British dan Amerika Syarikat memonopoli eksport NNMB, sementara United Kingdom, India, Burma, Siam, Amerika Syarikat serta negara benua Eropah lain merupakan pengimport utama.²⁸ Justeru, ketergantungan hubungan perdagangan NNMB terhadap negara-negara tersebut menyebabkan nilai perdagangannya jatuh apabila berlakunya kejatuhan kuasa beli atau penurunan permintaan dari negara yang sama.²⁹ Misalnya, kelemahan pasaran Amerika Syarikat untuk mengimport timah dari NNMB telah mengakibatkan usaha memanipulasi harga pasarannya kepada \$140 hingga \$150 sepikul pada akhir tahun 1929-an gagal.³⁰ Situasi ini seterusnya mengakibatkan keadaan harga pasaran komoditi yang tidak stabil. Kejatuhan harga pasaran komoditi turut melemahkan kapasiti fiskal kerajaan NNMB. Pada tahun 1930, hasil kutipan cukai eksportnya jatuh sebanyak 47.80 peratus berbanding \$19,990,300 yang dikutip pada tahun 1929.³¹

Rajah 1 mengilustrasi fenomena kemerosotan perdagangan yang dihadapi NNMB antara tahun 1928 hingga 1939. Kedudukan perdagangan persekutuan semakin merosot pada tahun 1931 disebabkan peningkatan nilai kejatuhan harga pasaran timah dan getah.³² Sementara, faktor utama yang mempengaruhi kejatuhan mendadak nilai imbalan perdagangan dan nilai eksport pada tahun 1932 adalah disebabkan kejatuhan harga pasaran harga getah dan langkah manipulasi harga pasaran komoditi melalui sekatan pengeluarannya. Kedua-dua faktor tersebut kemudiannya menyebabkan kemerosotan kuasa beli pengguna di NNMB.³³ Masalah ini kemudiannya mempengaruhi kemerosotan nilai import, khususnya dari United Kingdom pada tempoh yang sama. Pada tahun 1930, peratus import langsung United Kingdom adalah pada kadar 16.70 peratus dan kemudiannya jatuh kepada 12.06 peratus pada tahun 1932.³⁴ Walau bagaimanapun, situasi berbeza berlaku berkaitan penguasaan Singapura terhadap import perdagangan ke NNMB. Pada tahun 1930, import Singapura ke NNMB ialah sebanyak 35.25 peratus, dan kemudiannya menurun sedikit kepada 34.12 peratus pada tahun 1932.³⁵ Situasi sama berlaku pada peratusan import dari jajahan British lain seperti India, Hong Kong, Burma, Ceylon dan Australia.³⁶ Bagaimanapun, peratusan import dari jajahan British tersebut secara keseluruhannya hanya pada kadar 7.14 peratus ketika 1930 dan meningkat kepada 8.53 peratus pada tahun 1932.³⁷



Rajah 1: Nilai pulangan perdagangan dan hasil pendapatan Jabatan Kastam dan Eksais Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tahun 1928 – 1939.

Sumber: Federated Malay States, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States for 1938. CO 576/69, Report on the Customs and Excise Department for the Year 1939.

Rajah 1 turut memaparkan pengaruh kemerosotan perdagangan terhadap pengumpulan hasil pendapatan Jabatan Kastam dan Eksais. Tidak seperti NNS yang melaksanakan dasar perdagangan bebas, pelaksanaan dasar neomerkantilisme British di NNMB menyebabkan kerajaan persekutuan bergantung dengan cukai kastam sebagai sumber pendapatan utama.³⁸ Walau bagaimanapun, kutipan cukai kastam pada tahun 1932 hanya merosot sebanyak 20.39 peratus berbanding kutipan hasil pada tahun 1931 dengan jumlah \$17,291,177.³⁹

Berdasarkan risiko pengurangan hasil pendapatan disebabkan harga pasaran komoditi yang tidak menentu, pada tahun 1937 Setiausaha Kolonial mengarahkan kerajaan NNMB supaya menyediakan dana rizab sebanyak \$35 juta. Tujuannya adalah disebabkan British menyedari walaupun berlaku pertumbuhan ekonomi pesat pada tahun 1937, kemerosotan ekonomi yang besar akan berlaku pada tahun selepasnya.⁴⁰ Fungsi dana rizab ini adalah untuk digunakan bagi menampung perbelanjaan kerajaan NNMB ketika kemerosotan ekonomi.⁴¹ Jangkaan ini terbukti apabila data dalam Rajah 1 menunjukkan berlakunya penurunan mendadak nilai eksport dan nilai imbalan perdagangan NNMB pada tahun 1938.

Kedudukan Pasaran Buruh

Kejatuhan harga pasaran komoditi getah dan timah mempengaruhi dua perkembangan dalam pasaran buruh⁴² di NNMB.⁴³ Pertama, berlakunya pemberhentian buruh yang kemudiannya mengakibatkan masalah pengangguran, manakala yang kedua ialah pelaksanaan dasar kerajaan persekutuan yang menghantar pulang buruh yang telah tamat kontrak atau tamat tempoh pekerjaannya.⁴⁴ Secara keseluruhannya, pada tahun 1929 terdapat 258,780 orang populasi buruh yang direkodkan kerajaan persekutuan, bagaimanapun pada peringkat awal kejatuhan harga pasaran komoditi pada tahun 1930

telah mengakibatkan penurunan sebanyak 34.07 peratus populasi buruh.⁴⁵ Pengaruh langsung harga pasaran komoditi terhadap kedudukan pasaran buruh adalah disebabkan kapasiti peladang getah dan pelombong timah untuk meneruskan operasinya bergantung dengan hasil penjualan atau eksport komoditi.⁴⁶

Ketika kemuncak kemerosotan perdagangan NNMB pada tahun 1932, sebanyak 5,080 syarikat telah dibubarkan pada peringkat persekutuan berbanding 1,156 pada tahun 1931, lapan syarikat dibubarkan pada tahun 1930 dan 15 pada tahun 1929.⁴⁷ Tambahan lagi, pada tempoh yang sama berlaku peningkatan kadar kebangkrupan yang turut melibatkan golongan saudagar, pemilik tanah, pelombong timah dan penjual getah. Sebanyak 988 kes bankrap dilaporkan pada tahun 1932 berbanding 816 pada tahun 1931.⁴⁸ Bagaimanapun, setelah harga pasaran komoditi mula meningkat pada tahun 1933, jumlah kes bankrap menurun kepada 610 dan terus mencatatkan trend sama pada tahun 1934 dengan jumlah 378.⁴⁹

Masalah Pengangguran

Fenomena pemberhentian pekerja di NNMB berlaku sejak tahun 1929 dan digambarkan akhbar *'The Malayan Saturday Post'* sebagai *'likely to become worse before they become better'* pada tahun 1932.⁵⁰ Faktor yang mengakibatkan situasi tersebut ialah tindakan pemberhentian kerja oleh pihak majikan terhadap buruh perlombongan timah dan buruh di estet getah.⁵¹ Selain itu, tindakan kerajaan NNMB melakukan penghematan (*retrenchment*) antara tahun 1931 dan 1932 turut menyumbang kepada masalah pengangguran.⁵² Kemerosotan kapasiti komuniti komersial dan kerajaan NNMB untuk terus menggaji buruh merupakan kesan langsung kebergantungan sumber pendapatan terhadap eksport timah dan getah yang mengalami kejatuhan harga pasaran.⁵³

Faktor lain yang turut mempengaruhi masalah pengangguran ialah tindakan memanipulasi harga pasaran timah melalui sekatan pengeluarannya. Rasionalisasi operasi industri timah berdasarkan kuota pengeluaran menyebabkan pemberhentian pekerja sehingga meningkatkan kadar pengangguran pada tahun 1932. Berbanding tahun 1928, jumlah buruh dalam industri timah adalah seramai 119,550 orang, kemudian jatuh sebanyak 25.12 peratus pada tahun 1930 dan 55.31 peratus pada tahun 1932.⁵⁴ Sementara itu, pada tahun 1930, Setiausaha Hal Ehwal Cina melaporkan di Perak sahaja terdapat 10 ribu orang pelombong Cina yang menganggur, manakala pada tahun 1931 terdapat 450 ribu orang buruh Cina yang tidak mempunyai pekerjaan di Kepulauan Melayu.⁵⁵ Sugguhpun begitu, tiada data yang jelas dapat membuktikan kadar pengangguran yang berlaku di seluruh Tanah Melayu pada tempoh ini. Namun, jumlah penghantaran pulang tenaga buruh oleh pihak kerajaan persekutuan boleh dijadikan petunjuk bagi pasaran buruh pada tahun 1930-an.⁵⁶

Komuniti komersial mengkritik sikap kerajaan NNMB yang tidak mempunyai dasar yang kukuh bagi menyelesaikan masalah pengangguran. Malah, desakan wakil komuniti komersial dalam Majlis Mesyuarat Persekutuan seperti Colonel Cecil Rea dan James S. Arter supaya kerajaan NNMB menyediakan dana atau pinjaman untuk mereka menyelesaikan masalah penangguran ditolak oleh Cecil Clementi, Pesuruhjaya Tinggi British.⁵⁷ Alasan diberikan, kerajaan NNMB tidak mempunyai kapasiti kewangan untuk mengeluarkan perbelanjaan besar untuk tujuan projek pembangunan infrastruktur yang dapat menyediakan peluang pekerjaan.⁵⁸ Walau bagaimanapun, pada tahun 1932, kerajaan NNMB menubuhkan Jawatankuasa Pengangguran Pekerja Asia di Selangor. Jawatankuasa ini diberi kuasa untuk menguruskan dana bantuan pengangguran bagi negeri Selangor yang mempunyai masalah pengangguran yang kritikal. Sebanyak \$59,268 telah dibelanjakan jawatankuasa ini bagi menghulurkan bantuan kebajikan bagi individu miskin sepanjang tahun 1932 hingga 1937.⁵⁹

Walau bagaimanapun, kerajaan NNMB hanya mempunyai dasar untuk melindungi tenaga buruh mahir yang diperlukan untuk meneruskan operasi industri.⁶⁰ Justeru, pada tahun 1931, kerajaan persekutuan sekadar melaksanakan sekatan kemasukan asing melalui pindaan Enakmen Sekatan Imigresen.⁶¹ Kesannya, pengambilan tenaga buruh dari India dan China dihentikan.⁶² Di samping itu, dasar ini hanya memberikan kelebihan terhadap tenaga buruh dan pekerja yang mempunyai tenaga mahir yang tinggi dalam kalangan penduduk tempatan serta tenaga buruh Asia yang lain.⁶³ Dasar ini sebenarnya merupakan kesinambungan dasar perlindungan imperial yang cuba menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan pekerja British. Pekerja Eropah diberi keutamaan kerajaan NNMB bagi mendapatkan peluang pekerjaan melalui gerakan koperasi.⁶⁴ Buktinya berlakunya peningkatan perbelanjaan emolumen Jabatan Koperasi NNMB dan NNS antara tahun 1935 hingga 1939. Perbelanjaan emolumen ini digunakan untuk membayar gaji pentadbir, pegawai dan pembantu tadbir yang mengoperasikan Jabatan Koperasi. Pada tahun 1935, jumlah perbelanjaan emolumen yang dikeluarkan adalah sebanyak \$129,529, jumlah ini terus meningkat kepada \$154,754 pada tahun 1939.⁶⁵

Kerajaan NNMB menggunakan langkah menghantar pulang buruh bagi menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan buruh India dan Cina, manakala tiada dasar khusus yang dinyatakan untuk buruh Melayu.⁶⁶ Antara tahun 1931 hingga 1932 seramai 262,090 orang buruh Cina telah pulang ke negara China, manakala 147,512 orang buruh India telah pulang ke negara India.⁶⁷ Majoriti buruh India di NNMB berasal dari Presidensi Madras, manakala hanya sebilangan kecil yang berasal dari Utara India. Sementara, buruh Cina pula majoritinya berasal dari Selatan China.⁶⁸ Pengurangan tenaga buruh India dan Cina tersebut turut ini turut mempengaruhi penurunan tenaga buruh dalam industri perlombongan timah kepada 53,430 orang pada tahun 1933 berbanding 89,517 orang pada tahun 1930.⁶⁹ Walau bagaimanapun, tindakan menghantar pulang buruh India dan Cina tersebut turut mempengaruhi peningkatan perbelanjaan kerajaan.⁷⁰

Kemasukan buruh India kembali meningkat pada tahun 1938 disebabkan berlakunya peningkatan permintaan tenaga buruh India untuk industri perlombongan.⁷¹ Pada tahun 1938, seramai 75,479 orang buruh India telah kembali ke Tanah Melayu dengan bantuan dana daripada '*Indian Immigration Fund*', berbanding 43,191 orang pada tahun 1936.⁷² Namun, situasi berbeza terhadap kemasukan buruh Cina yang dikenakan kuota kemasukan sebanyak 4,000 orang pada Januari 1937, kemudian ditingkatkan kepada 5,000 orang pada Februari dan Mac sebelum kuota tetap sebanyak 6,000 orang pada tahun tersebut.⁷³ Bagaimanapun, sejak April 1938, kuota kemasukan imigran Cina termasuk buruh diturunkan kepada 500 orang.⁷⁴ Kelebihan terhadap kemasukan buruh India tersebut boleh dikaitkan dengan perspektif British terhadap mereka yang mudah beradaptasi dengan iklim tropika Tanah Melayu berbanding buruh Cina.⁷⁵

Jadual 1 memaparkan taburan tenaga buruh dalam sektor pekerjaan di NNMB pada tahun 1938. Secara keseluruhannya data menunjukkan buruh India menguasai pasaran buruh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu. Sementara, buruh Jawa, Melayu dan lain-lain merupakan kumpulan minoriti. Data ini juga meragukan pandangan bahawa buruh India '*were badly neglected*' ketika era kemerosotan ekonomi pada tahun 1930-an.⁷⁶ Tambahan lagi, hanya buruh dari Selatan India yang diberikan bantuan '*Indian Immigration Fund*' untuk dibawa masuk ke sektor pekerjaan di Tanah Melayu. Melalui skim sama, kadar gaji bagi buruh India dilindungi dengan penentuan kadar minimum dan melindungi mereka daripada bayaran komisen tinggi dalam sistem kangani.⁷⁷ Pada tahun 1933, sebanyak \$130,254 dari '*Indian Immigration Fund*' digunakan untuk menghantar pulang buruh India ke negara asal bagi mengurangkan masalah pengangguran di NNMB. Kemudian, sehingga Jun 1934, kerajaan NNMB telah berbelanja sebanyak \$246,836.50 lagi daripada dana yang sama. Dana ini digunakan untuk perbelanjaan pengangkutan buruh India ke estet dan bayaran elaun merekrut.⁷⁸ Tambahan lagi, dana tersebut turut digunakan untuk membantu buruh India yang menganggur

mendapatkan tempat tinggal serta menampung kos pengangkutan untuk ke tempat kerja baharu.⁷⁹ Walau bagaimanapun, pada tahun 1938, fungsi dana ini diberhentikan kerana dasar kerajaan India yang tidak lagi membantu kos emigrasi buruh India tidak berkemahiran.⁸⁰

Jadual 1 Taburan tenaga buruh dalam sektor pekerjaan di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tahun 1938

	India	Cina	Jawa	Melayu	Lain-lain
Pekerja estet	137,353	28,925	1,762	2,234	658
Pekerja lombong	5,262	32,586	516	2,616	1,380
Pekerja kilang	1,990	2,691	37	314	108
Kakitangan kerajaan	21,329	4,234	154	2,789	1,348
Jumlah	165,934	68,436	2,469	7,953	3,494

Sumber: Federated Malay States, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People on the Federated Malay States for 1938, hlm. 48.

Standard Hidup

Kejatuhan harga pasaran getah dan timah menyebabkan penurunan kadar gaji golongan pekerja di NNMB.⁸¹ Sejak awal tahun 1930, majikan mula melaksanakan pemotongan kadar gaji dan upah sebagai langkah mengurangkan kos operasi. Walau bagaimanapun, tindakan kerajaan NNMB menetapkan kadar gaji standard seperti dalam Jadual 2 pada tahun 1930 menyebabkan golongan majikan terpaksa memberhentikan pekerja mereka.⁸² Dasar kerajaan NNMB tersebut boleh dikaitkan dengan kebimbangan British terhadap masalah kekacauan buruh sekiranya kadar gaji diturunkan.⁸³ Sungguhpun begitu terdapat majikan yang terpaksa memotong sehingga 20 peratus daripada kadar gaji standard yang ditetapkan kerajaan NNMB.⁸⁴ Situasi ini berlaku disebabkan pengusaha estet getah dan pelombong timah masih tidak mampu menampung kos operasi disebabkan kejatuhan harga pasaran komoditi tersebut.⁸⁵

Jadual 2 menunjukkan penurunan dan kesenjangan purata kadar gaji di NNMB kesan penurunan harga pasaran getah dan timah. Wujudnya batasan dalam mengekstrak data kerana kerajaan NNMB hanya melaporkan purata gaji bagi buruh India dan Cina yang merupakan tenaga kerja majoriti dalam peladangan getah dan perlombongan timah.⁸⁶ Tambahan pula, Jabatan Buruh Tanah Melayu melaporkan sehingga tahun 1934 jumlah buruh daripada kalangan Melayu dan Jawa tidak begitu signifikan. Oleh sebab itu, data berkaitan buruh Melayu sering digabungkan dalam kumpulan 'lain-lain' dalam laporan jabatan tersebut. Bagi buruh Jawa pula lebih ramai bekerja di Johor berbanding NNMB dan NNS. Antara tahun 1930 hingga 1934, jumlah buruh Jawa di masing-masing unit politik ialah 7650 orang, 3445 orang dan 2267 orang.⁸⁷ Walau bagaimanapun, pada tempoh yang sama populasi buruh terbesar di Tanah Melayu adalah di NNMB dengan kadar 64.25 peratus berbanding NNS, Johor, Kedah dan Kelantan.⁸⁸

Jadual 2 Purata kadar gaji buruh di Negeri-Negeri Melayu Bersekutu Tahun 1928 - 1931

Sektor pekerjaan		Standard gaji	
		Standard gaji 1928	Standard gaji 1930
Buruh India	Lelaki	\$0.54 / sehari	43.5 sen / sehari
	Perempuan	\$0.48 / sehari	34.5 sen / sehari
Buruh Jawa (kontrak)	Lelaki	Tiada data	\$0.50 / sehari
	Perempuan	Tiada data	\$0.40 / sehari
Buruh Jawa (tanpa kontrak)	Lelaki	Tiada data	43.5 sen / sehari
	Perempuan	Tiada data	34.5 sen / sehari

		Standard gaji 1931
Buruh Eropah di lombong timah	Berkemahiran	\$1.20 / sehari
	Tidak berkemahiran	\$0.63 / sehari
Buruh Cina	Berkemahiran	\$0.55 / sehari
	Tidak berkemahiran	\$0.32 / sehari
	Perempuan	34.5 sen / sehari
Buruh India di estet	Lelaki	\$0.50 sen / sehari
	Perempuan	\$0.40 sen / sehari
Buruh Cina di estet		\$0.70 sen / sehari
Buruh Cina di lombong	dengan makanan	\$16.50 / sebulan
	tanpa makanan	\$0.93 / sehari


Sumber: Federated Malay States, Annual Report for 1931, Annual Report on the Social and Economic Progress of the People of the Federated Malay States 1932, 1937.

Analisis data dalam Jadual 2 adalah berdasarkan dasar kerajaan NNMB yang hanya menetapkan kadar standard gaji buruh berdasarkan dua keadaan. Pertamanya, kawasan yang mempunyai kadar gaji tinggi, dan keduanya kawasan yang mempunyai kadar gaji rendah. Justeru, kerajaan persekutuan menyediakan dua standard gaji minimum untuk buruh berdasarkan purata kadar di Selangor (kadar rendah) dan di Pahang (kadar tinggi).⁸⁹ Kadar standard yang dimaksudkan ialah kadar minimum yang ditetapkan kerajaan NNMB mengikut kelas etnik buruh dan tempat yang mempunyai taraf hidup yang berbeza. Umumnya, standard gaji tersebut ditetapkan berdasarkan aspek kos sara hidup buruh seperti perbelanjaan makanan, pakaian, sambutan perayaan, keperluan rumah tangga, simpanan dan kos untuk pulang ke India bagi buruh India.⁹⁰ Sebelum tahun 1932, kadar gaji buruh Cina di estet getah kebiasaannya adalah lebih tinggi daripada buruh India.⁹¹ Namun, berlaku perubahan pada tahun 1932, apabila kerajaan NNMB menetapkan kadar standard bagi buruh Cina di estet sama dengan buruh India.⁹² Selain itu, standard gaji bagi buruh kontrak Jawa pula diperkenalkan pada tahun 1930, dan kemudiannya dikuatkuasakan pada tahun 1932 melalui Enakmen Perlindungan Buruh Hindia Belanda.⁹³

Jadual 2 juga hanya memaparkan kadar purata gaji berdasarkan standard gaji yang ditetapkan kerajaan NNMB. Ketika berlakunya peningkatan harga getah pada tahun 1933, kerajaan persekutuan berjaya mendapatkan persetujuan Persatuan Peladang Tanah Melayu supaya kadar minimum buruh lelaki ditetapkan serendah 28 sen bagi tempoh bekerja enam hingga enam setengah jam sehari, manakala kadar minimum bagi buruh wanita adalah sebanyak 24 sen. Namun, secara puratanya, kadar gaji buruh lelaki pada tahun tersebut adalah lebih tinggi, iaitu sebanyak 31.5 sen dan 26 sen bagi buruh perempuan.⁹⁴ Situasi sama berlaku pada tahun 1934, malah kadar purata gaji buruh Cina di estet bertambah tinggi berbanding buruh India dengan kadar purata 52.5 sen sehari.⁹⁵ Namun, perubahan berlaku pada tahun 1937 apabila berlakunya penurunan harga pasaran getah sejak tahun 1935. Kerajaan NNMB mendapatkan persetujuan Persatuan Pertanian Tanah Melayu Bersatu dan Persatuan Penanam Getah untuk memperkenalkan standart baharu bagi kadar gaji buruh India di estet.⁹⁶ Purata gaji buruh India di estet mengikut standard tahun 1937 adalah lebih tinggi berbanding standard tahun 1930, tetapi rendah berbanding tahun 1928. Tambahan pula, data menunjukkan kadar purata gaji buruh Cina di estet adalah lebih tinggi iaitu sebanyak 70 sen sehari berbanding buruh India.

Rajah 2 memaparkan kesan tindakan memanipulasai harga pasaran getah dan timah, serta kesan perubahan standard gaji buruh terhadap kos sara hidup di NNMB.⁹⁷ Sejak awal abad ke-20 lagi, kerajaan British telah melaksanakan dasar memanipulasi kadar gaji bagi mengawal kos sara hidup rakyatnya.⁹⁸ Justeru, pada tahun 1929, kerajaan British menjadikan indeks kos sara hidup sebagai indikator kedudukan ekonomi. Peningkatan kadar kos sara hidup dianggap sebagai kejayaan kerajaan

